Unsur budaya nasional saja di acara rasmi — Dr M

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad (kiri) bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah (dua dari kiri) begitu berminat melihat beca yang dipamerkan di Muzium Melaka selepas perasmian asas Muzium Sejarah Negeri itu kelmarin.

MELAKA, Ahad — Hanya unsur-unsur kebudayaan nasional yang patut digunakan dalam setiap upacara rasmi negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, rakyat seharusnya telah mengetahui kebudayaan nasional dan bagaimana menghayatinya.

Katanya, walaupun kebudayaan nasional berteraskan kebudayaan Melayu, unsur-unsur kebudayaan lain telah pun ada di dalamnya.

Bercakap kepada para pemberita di sini, Perdana Menteri menyatakan, walaupun kerajaan tidak melarang mana-mana kaum mengamalkan kebudayaan masing-masing, tetapi di upacara-upacara rasmi negara, hanya kebudayaan yang diterima oleh semua pihak patut digunakan.

Beliau kesal banyak pihak menuduh kerajaan terlalu menekan pertumbuhan kebudayaan-kebudayaan kaum minoriti negara ini.

Lebih liberal

"Itu tidak benar kerana dasar kita adalah lebih liberal dari kebanyakan negara lain. Misalnya, di Amerika dan Britain, kaum Benggali tidak langsung dibenarkan memakai serban. Di Malaysia, mereka bebas berbuat demikian sehingga ke dalam angkatan tentera sekalipun," jelasnya.

Beliau berkata, kewujudan perkampungan Portugis di negeri ini yang masih dapat mengekalkan kebudayaannya membuktikan hakikat ini.

"Kalau di negara-negara lain, kebudayaan kaum kecil seperti itu tentunya menghadapi ancaman proses asimilasi dari kebudayaan kaum-kaum lebih besar," tambahnya.

Walaupun Dr. Seri Dr. Mahathir berpuas hati dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri ini terutama di bidang perindustrian dan pelancongan, beliau menggesa Kerajaan Negeri melipatgandakan usahanya.

Katanya, lawatannya membolehkan beliau melihat kemajuan yang dicapai dan ini akan dijadikan asas untuk mengukur prestasi Kerajaan Negeri dalam membangunkan negeri ini apabila beliau membuat lawatan selanjutnya.

Selama dua hari di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan hasrat Kerajaan Pusat kepada ahli-ahli politik dan kakitangan kerajaan khasnya dan rakyat amnya, terutama mengenai konsep bersih, cekap dan amanah.

Dalam pertemuan dengan pegawai-pegawai kerajaan, Perdana Menteri mengingatkan mereka bahawa kerajaan sekarang berkehendakkan mereka menjalankan tugas sepenuh masa kerana tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka berat dan semakin mencabar.

Tenang

Beliau bagaimanapun berpuas hati dengan keadaan politik di negeri ini yang disifatkannya sebagai lebih tenang. Tegasnya, kerajaan akan menyingkirkan konsep politik pecah-belah dan menumpukan usaha ke arah pentadbiran lebih licin untuk pembangunan negara.

"Kita, bagaimanapun, akan selalu berhati-hati kerana air yang tenang jangan disangka tidak ada buaya," jelasnya berseloroh.

Mengenai permohonan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan bantuan tambahan dari Kerajaan Pusat termasuk menempatkan industri komponen kereta buatan Malaysia di Melaka, beliau berkata:

"Ada kemungkinan salah satu daripada industri membuat komponen kereta nasional ditempatkan di sini. Bagaimanapun ini bergantung kepada sama ada ia sesuai dari segi ekonomi atau tidak. Ini penting untuk menghindarkan harga kereta itu dari melambung dan membebankan rakyat."

Rebutan

Mengenai penubuhan universiti keenam yang kini menjadi rebutan beberapa negeri termasuk Melaka, Perdana Menteri sambil berseloroh berkata:

"Kemungkinan besar ia ditubuhkan di Kedah kerana di sana belum terdapat sebarang institusi pengajian tinggi termasuk sebarang cawangan kampus ITM."

Menurutnya, kesemua permohonan dari kerajaan-kerajaan negeri akan dipertimbangkan. Tetapi sekiranya permohonan itu dibuat kerana 'prestij' atau mahukan projek-projek tertentu diwujudkan 'di belakang rumah mereka', kerajaan tidak akan melayaninya.

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian berlepas ke Kuantan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia